

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
(AMPANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [ AMPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab-sebab utama yang menahan daripada pelabur-pelabur untuk menangguh pelaburan mereka terhadap 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek

yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Antara pelaburan yang dijalankan oleh 1MDB adalah seperti berikut:

### **Tun Razak Exchange (TRX)**

Pembangunan TRX direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan dan dikenal pasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang 2020. Projek yang dianggarkan mempunyai nilai pembangunan kasar atau *gross development value* (dengan izin) sebanyak RM40 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan TRX sebuah bandar raya global.

### **Bandar Malaysia**

Bandar Malaysia merupakan projek pembangunan semula lapangan terbang lama Sungai Besi. Projek pembangunan urban bersepadu bersaiz

486 ekar ini bakal mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur di arena global bagi menarik pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat antarabangsa. Projek ini bakal memulakan pembinaan sebaik proses pemindahan fasiliti Pangkalan Udara Kuala Lumpur selesai dilaksanakan. Sebahagian dari kawasan projek ini turut diperuntukkan untuk pembangunan Rumah Mampu Milik.

### **Sektor Tenaga**

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB. Melalui anak syarikatnya Edra Energy, 1MDB merupakan salah satu pengeluar tenaga bebas antarabangsa yang terkemuka di Asia Tenggara dengan portfolio 13 loji jana kuasa dan penyahgaraman atau *desalination* (dengan izin) di lima buah negara. Edra Energy merupakan pengeluar tenaga bebas kedua terbesar di Malaysia, dan terbesar di Mesir dan Bangladesh, serta mempunyai operasi di Pakistan dan Emiriah Arab Bersatu. Aset-aset tenaga 1MDB ini mempunyai kapasiti penjanaan tenaga bersih sebanyak 5594 MW, iaitu kira-kira 3112MW di Malaysia dan 2482MW di luar Negara.

Tuan Yang Dipertua,

Isu utama 1MDB pada ialah *mismatch* (dengan izin) antara aliran masuk (*inflow*, dengan izin) daripada operasi perniagaan serta penjualan aset dengan aliran keluar (*outflow*, dengan izin) pembayaran keluar faedah hutang (*debt interest*, dengan izin) dan *principal* (dengan izin). *Mismatch* (dengan izin) ini berlaku disebabkan oleh penangguhan pelan pelaksanaan IPO dan kesukaran penjualan tanah milik 1MDB akibat daripada pelbagai tohmahan, kritikan dan sebagainya yang dilemparkan terhadap 1MDB.

Bagi menangani cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan Pelan Rasionalisasi.